

DBKL arah penganjur hentikan Festival Havoc Food

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengarahkan peng-anjuran Festival Havoc Food dihentikan bermula Sabtu kerana menimbulkan kacau-ganggu.

Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, Pejabat Parlimen Setiawangsa menerima pelbagai aduan berkaitan penganjuan karnival itu yang diadakan bermula Khamis lalu dan di-

jangka tamat Ahad di tempat letak kereta Sama Square Setapak.

Menurutnya, aduan itu dipanjangkan kepada DBKL untuk tindakan selepas berlaku kesesakan lalu lintas melampau hingga mengganggu penduduk di kawasan terbabit termasuk pejabat Parlimen.

"Susulan itu, penganjur Havoc Food Festival telah diarahkan oleh DBKL untuk memberhentikan festival berkenaan ber-

mula Sabtu.

"Penganjur juga didapati menganjurkan festival tersebut tanpa mendapat lesen hiburan semasa yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur," katanya menerusi kenyataan pada Sabtu.

Katanya, penganjur sebelum ini telah mengemukakan permohonan lesen, namun ditolak sebanyak dua kali atas sebab permohonan lewat.

Selain itu katanya, permohonan turut tidak dipertimbangkan susulan aduan daripada penduduk setempat mengenai halangan lalu lintas.

"Pihak penganjur diingatkan untuk tidak mengulangi kesalahan tersebut dan mengambil maklum situasi penduduk setempat sebelum menganjurkan apa-apa acara yang boleh mengganggu orang awam," katanya.